



LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

PEKELILING PEMBANGUNAN KONTRAKTOR CIDB BIL 1/2008 PROGRAM INTEGRITI

1.0 Tujuan

Pekeliling ini bertujuan untuk :

- 1.1 Memaklumkan kepada semua kontraktor baru yang tarikh perakuan pendaftarannya dengan CIDB bermula dari 1 Januari 2008 di bawah semua Gred bahawa mereka diwajibkan menghadiri Kursus Integriti Kontraktor Pembinaan (1 hari) dalam tempoh (1) tahun dari tarikh kuatkuasa pendaftaran dengan CIDB.
- 1.2 Memaklumkan kepada semua kontraktor baru yang tarikh perakuan pendaftarannya dengan CIDB bermula dari 1 Januari 2007 di bawah semua Gred bahawa mereka diwajibkan menghadiri Kursus Integriti (1 hari) sebelum tamat tempoh pendaftaran mereka.
- 1.3 Memaklumkan kepada semua kontraktor yang terlibat bahawa wakil syarikat yang perlu mengikut kursus ini adalah salah seorang dari pegawai berikut :-
 - a. Pemilik syarikat,
 - b. Pengarah syarikat, atau
 - c. Pengurusan utama syarikat,

2.0 Latarbelakang

- 2.1 Kursus ini bertujuan memberi kesedaran kepada kontraktor pembinaan terhadap kepentingan dalam mengukuhkan integriti di dalam pelaksanaan projek pembinaan.
- 2.2 Kursus ini telah dibangunkan secara usahasama dengan Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Badan Pencegah Rasuah Malaysia (BPR). Kandungan kursus adalah seperti berikut :
 - a. Pelan Integriti Nasional: Prinsip dan Falsafah
 - b. Kepentingan Integriti Dalam Industri Pembinaan Negara ; dan
 - c. Rasuah : Jenayah Yang Perlu Dibendung.
- 2.3 Tempoh kursus ini adalah selama satu (1) hari.

2.4 Peserta kursus akan diberi Sijil Kehadiran yang dikeluarkan bersama oleh CIDB, BPR dan IIM di akhir sesi.

3.0 Permohonan Kursus

3.1 Permohonan kursus boleh dibuat di mana-mana pejabat CIDB dengan mengisi borang kursus. (Rujuk Lampiran A bagi alamat pejabat CIDB) Pihak CIDB akan memaklumkan tarikh dan tempat kursus kepada pemohon.

4.0 Tindakan Terhadap Kontraktor Yang Gagal Menghadiri Kursus

4.1 Mana-mana kontraktor yang gagal mematuhi arahan di atas di dalam tempoh yang ditetapkan oleh CIDB boleh menyebabkan perakuan pendaftaran mereka tidak dapat diperbaharui.

5.0 Tarikh Kuatkuasa


Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Mac 2008

6.0 Pertanyaan / Kuir

6.1 Sebarang kemusykilan yang timbul dari surat pekeling ini hendaklah dirujuk kepada :

Pengurus Besar
Bahagian Pembangunan Kontraktor
Sektor Pembangunan Kontraktor dan Personel Binaan
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
Tingkat 10A, Grand Seasons Avenue
No. 72, Jalan Pahang, 53000 Kuala Lumpur
Tel : 03-2617 0200
Fax : 03-4043 0801

"BINA SEMPURNA"



(DATUK Ir. HAMZAH HASAN)

Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia